

24/02/2002

Anita sudah berubah

Ellyna Ali

KITA Orang dapat tahu bukan main seronok lagi peminat superstar Anita Sarawak apabila mendapat tahu penyanyi kesayangan mereka akan mengadakan konsert di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil pada 7 April nanti.

Mereka juga nampaknya seperti tidak sabar untuk mendapatkan tiket konsert penyanyi kelahiran Singapura itu. Khabarnya, mahal juga harga tiket konsert itu iaitu antara RM250, RM130 dan RM100.

Tapi seperti janji Anita, dia juga mahu peminat yang selama ini tidak berkemampuan menyaksikan persembahan eksklusifnya di hotel akan dapat melihat aksinya dalam konsert itu. Oleh itu tiket berharga RM60 turut dijual.

Apapun, selain konsert ini, khabar terbaru yang Kita Orang dengar mengenai penyanyi ini ialah dia nampaknya sudah mula berubah iaitu tidak lagi terlalu daring dalam berpakaian.

Malah, satu sumber memberitahu Kita Orang, dia juga khabarnya tidak mahu lagi berpakaian seksi. Bukan itu saja, dia juga tidak lagi berjabat tangan dengan mereka yang bukan muhrim dengannya. Khabarnya itu adalah permintaan suaminya sendiri iaitu Mahathir Abdullah.

Haa... nampaknya semakin ramai artis kita yang sudah mula berhijrah. Tapi, siapa sangka artis seperti Kak Nita akan berubah. Bila lagi kita dan yang lainkan?

(elly_ez@hotmail.com)

(END)